

# KOSMOLOGI MALAYONESIA YANG TERUNGKAP DALAM BAHASA MELAYU

Shaharir bin Mohamad Zain  
Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya

## Abstrak

Unsur-unsur kosmologi orang-orang peribumi atau natif Asia Tenggara yang dinamakan semula sebagai Malayonesia diperoleh daripada karya-karya sarjananya dalam bahasa Melayu. Kosmologi berkenaan itu dikategorikan sebagai hambawanisme, sejenis bentuk kepatuhan dan kesetiaan kepada kuasawan yang mengatasi feudalisme; kepercayaan kepada alam dan perkara ghaib berbentuk sinkretisme animisme-Hindu-Buddha-Islam yang diistilahkan sebagai arupaisme; kepercayaan kepada kuasa ghaib dan mistik menerusi amalan khusus yang dikenali sebagai kebatinan; kepercayaan kepada ramalan kehidupan dan untung-nasib berasaskan masa, ruang, dan pelbagai kehadiran tanda peribadi, rupa-watak dan haiwan yang diistilahkan sebagai tenungisme, kepercayaan kepada tafsiran atau taabiran mimpi lalu distilahkan sebagai mimpisme, kepercayaan alam berpusatkan Bumi dan alam semesta berpustakaan Meru atau Jabal Qaf lalu masing-masingnya distilahkan Bumipusatisme, Merupusatisme dan Jabalqafpusatisme, kepercayaan kejadian setiap makhluk menerusi tilik mahabbat Allah SAW lalu diistilahkan sebagai tilik-mahabbatisme, kepercayaan kejadian manusia pertama ialah Nabi Adam dan adanya ribuan semacam Adam sebelum Nabi Adam yang dicipta Tuhan secara bergantian lalu diistilahkan sebagai Adamisme; kepercayaan kepada kuasa ghaib dan mistiknya bilangan lalu distilahkan bilanganisme, kepercayaan kepada dua ajaran dan sebagainya serentak dan setengahnya digabungjalinkan menjadi suatu ajaran yang baharu lalu masing-masingnya distilahkan sebagai dualisme dan sinkretisme; kepercayaan kepada keistimewaan bermetafora lalu diistilahkan sebagai metaforaisme; kepercayaan kepada sebab-musabab yang tidak pasti dan amat dipengaruhi oleh budi lalu diistilahkan sebagai mogamogisme dan budisme; dan berkehidupan yang menghayati beberapa sifat yang dimanifestasikan menerusi banyaknya peribahasa (lebih drp 20 peribahasa) berkenaan dengannya (yang menunjukkan perihatinnya mereka terhadap sifat-sifat itu) iaitu marah diikuti oleh miskin, berpakat, susah, malu, sia-sia, sombong, nasib/tuah, cinta/kasih/sayang, bodoh, degil, patuh/setia, tak peka/peduli, lemah dan bermuka-muka/munafik yang hampir semuanya disebabkan dukungan hambawanisme mereka dan lain-lain doktrin kosmologi di atas.

## Abstract

*Elements of cosmology of the natives or indigenous people in southeast Asia which is renamed as Malayonesians here are obtained from scholarly writings in Malay before the twentieth century. The cosmology is categorised as hambawanisme (servitudism), a kind of faithfulness and submissiveness more than feudalism; belief in an unseen world which is a syncretisation of the animistic, Hindu-Buddha and Islamic world of the unseen which we term it as arupaisme (invinciblism); believe in predictions and fates based on times, space, and various mystical presence of animals, personal signs and characters which we term it as tenungisme (predictionisticism); believe in interpretation of dreams and thus it is termed as mimpisme (dreamism); belief in the earth as the center of this world and the world center at the earth itself is a part or the universe which centered at the celestia body knoen as Meru or Jabal Qaf, thus we terme it Bumipusatisme (geocentricism) and Merupusatisme (Merucentricism) or Jabalqafpusatisme (Jabalqafcentricism) respectively; belief in a mechanism of God's creationism known as God's affectionate observation and thus the term tilik-mahabbatisme (affectionate-observationism); belief in the presence of the first man created by God, named he prophat Adam, and the creation of thousands of successive Adams before the prophat Adam, and thus*

---

\* Penulis untuk dihubungi:  
riramzain@yahoo.com

*we coin the term Adamisme (Adamism); belief in the mystical values of numbers thus the term bilanganisme (numberism, different from numeralogism); belief in combination of two or more beliefs from different teachings or religions to form a unique belief known as dualism or syncretism; belief in metaphorism; belief in a uncertainty in cause and effect and thus heavily used the word moga-moga (hopefully) in every implicative statement and a mechanism known as budi is operating in their decision making, thus the terms moga-mogaisme (mogamogicism) and budisme (budicism) are respectively coined in the Malayonesian logic. Finally, we obtained several natural characteristic of malayonesian based on the frequency of the term used in the Malay proverbs. Thus we obtained the characteristic of Malayonesian are concerning angry, poverty, togetherness, difficulty in life, embarrassment, wasting effort, pride, fate, love, stupidity, stubborn or hard headed, faithful and submissive, incensitive and indifferent, weak and hypocrite most of which are due to their hambawanis (feudalistic) nature and a few other general cosmological doctrines above.*

## **Pendahuluan**

Kosmologi dalam tulisan ini bukan sekadar kajian kosmos secara kejasmanian semata-mata (bidang fizik) tanpa kemanusiaan yang menyaksikan atau menghayati pengetahuan itu dalam kehidupan. Oleh itu kosmologi di sini amat rapat dengan sikap, pandangan hidup, nilai hidup, kepercayaan, atau pandangan alam sesekelompok manusia yang berpendirian yang sama. Kosmologi yang dibicarakan di sini ialah kosmologi fizik (alam semesta, ruang, dan masa) dan sistem kepercayaan dan cara hidup bersaskan tiga komponen kosmologi fizik ini. Manusia di sini ditumpukan kepada mereka yang berada di Asia Tenggara ini yang berbahasa Austronesia tetapi mengungkapkan juga kosmologinya dalam bahasa Melayu. Dalam kenyataan sosio-geopolitik sekarang istilah kosmologi Melayu sudah menjadi masalah kerana kewujudan dominannya negara-bangsa Indonesia dengan bahasa negaranya, bahasa Indonesia dan Bahasa Melayu dianggap bahasa suku kaumnya atau bahasa Indonesia sebelum 1950-an. Istilah kosmologi Melayu-Indonesia juga masih bermasalah. Percubaan atas nama gabungan setiap negara-bangsa di Asia Tenggara ini yang selama ini dianggap serumpun yang diakronimkan oleh penulis ini sebagai Pascabima beberapa tahun yang lepas juga tidak mendapat sambutan (Perincian masalah ini ada dalam Shaharir 2010). Setakat ini nampaknya penghidupan kembali istilah Malayonesia (ciptaan ahli etnografi Inggeris akhir abad ke-19 M) mendapat sambutan. Itulah munculnya judul makalah penulis ini dengan menggunakan perkataan ini sejak beberapa tahun yang lepas ini, dan yang di sini sekarang.

Tulisan ini banyak yang mengulang karya terdahulu (Shaharir 2013a dan 2014a), walaupun ada agak banyak juga tokoh-tambahnya di samping dilakukan pengkategorian baharu dalam kosmologi Malayonesia. Sungguhpun sudah ada beberapa orang penulis lain di Malaysia sebelum ini membicarakan kosmologi, pandangan alam, dan nilai Melayu seperti yang diperkatakan dalam Shaharir (2013a), namun di situ jugalah dikatakan tulisan itu masih jauh daripada lengkap dan menjangkau kerana hampir semuanya karya itu berasaskan pada penulisan kesusasteraan (cerita rakyat, dalam bentuk tulisan atau lisan). Penulis Indonesia juga banyak yang membicarakan hal yang serupa dengan menggunakan istilah Indonesia sebagai ganti Melayu. Namun ceramah seorang wartawan besar Indonesia (sebenarnya mewakili orang Malayonesia yang dimaksudkan dalam makalah ini), Mochtar Lubis, pada tahun 1977 yang dibukukan dalam tahun 2001 (dan diulang cetaknya yang ketiga 2012 dan menjadi bahan rujukan untuk makalah ini) tentang ciri-ciri baik-buruknya bangsa Indonesia rasanya jauh lebih baik daripada karya-karya di pasaran hingga kini. Mochtar membicarakan enam sifat “manusia Indonesia” (sebenarnya sifat orang Malayonesia amnya) dalam bab-bab berasingan, iaitu (1) munafik atau hipokrit, (2) enggan dan segan bertanggungjawab atas perbuatannya, (3) bersikap dan berperilaku feodal, (4) percaya takhyul, (5) artistik dan berbakat seni, dan (6) lemah watak atau karakternya. Di samping itu beliau juga membicarakan beberapa ciri lain yang relatifnya dianggap kecil (bahkan dikumpul dalam satu bab sahaja), iaitu (7) bukan *economic animal* (tidak suka bekerja keras, bermalas-malasan, semuanya mau seketika, suka jaringan Tiga P (pengusaha dng pengusaha dan ilmu pengetahuan)), (8) menggerutu dng cara tidak terbuka, (9) cepat cemburu dan dengki, dan sedikit sahaja bicaranya, (10) gampang senang dan bangga pada yang hampa-hampa, (11) manusia-sok (mudah mabuk kuasa, harta, dsbnya), (12) tukang tiru kulit-kulit luar yang mempesonakan, (13) kepercayaan animisme yang masih kuat bercampur dengan kepercayaan

kepada takdir (mengurangkan *scientific inquiry*, dan lemah dalam mengaitkan antara sebab dan akibat), (14) kurang peduli kepada nasib orang terutamanya pada yang tidak dikenali, (15) ikatan kekeluargaan yang kuat, (16) kesabaran yang melampau, (17) mudah dilatih terampil dengan tangan dan jari, (18) memasang wajah yang suka dilihat oleh orang lain tetapi ada pula wajahnya yang disimpannya untuk dirinya sendiri malah seringkali tidak hendak diakuinya untuk dirinya sendiri (memakai topeng depan umum), (19) kuat sinkretisme, iaitu mudah menerima hal-hal yang serba paradoks dan ambiguiti (enggan melihat ciri-ciri bertentangan tetapi cenderung mencari ciri-ciri yang komplementer); (20) senang dan selesa mengatakan sesuatu dan lalu berbuat yang bertentangan dengan ucapan sendiri, atau menerima segala rupa hal-hal yang saling bertentangan, semboyan berubah tetapi hakikatnya tidak berubah; (21) dan tidak mempunyai konsepsi waktu yang betul (waktu sentiasa ada, bahkan bagi Jawa masa bersifat berkitar, berulang-ulang kembali, laksana roda yang berputar: baru dan lama berulang).

Sementara itu, karya-karya baharu dari para penulis Indonesia beberapa tahun kebelakangan ini yang dapat ditelusuri sehingga kini ialah yang berikut.

Dlm kata pengantar buku suntingan Sudjito drk (2014), berasaskan pada makalah-makalah di dalam buku tersebut, bangsa Indonesia (dianggap di sini mewakili sebahagian besar bangsa Malayonesia berbahasa Melayu) menghayati pandangan hidup yang mementingkan kekeluargaan; kehidupan yang serasi dan selaras dengan alam dan sesama manusia; saling bahu-membahu dan bergotong royong dalam suasana kekelompokan-berkeagamaan (istilah asalnya “komunalistik-religius”). Dalam kajian kami pun nilai Malayonesia ini juga tertonjol. Masfufah (2012) menyunting beberapa buah makalah yang membicarakan bahawa sainsisme (saintisme) semakin terhakis terutamanya dari kalangan ilmuwan Indonesia yang merangkul ajaran lama tasawuf atau sufi abad ke-16 M lagi, iaitu *wahdaht al-wujud* dari Hamzah Fansury/Hamzah Fansuri dan ajaran tradisi Jawa (pra-Islam lagi), *manunggaling kawula-Gusti*. Sejauh mana besarnya dan meluasnya kosmologi Malayonesia yang diperbaharui ini memerlukan kajian sosiologi yang komprehensif lagi dan kami tidak melakukannya, oleh itu tidaklah dapat diulas lagi dalam makalah ini. Mengikut Tim MGB UGM. (2015), pandangan hidup bangsa Indonesia yang mementingkan kekeluargaan itu semakin diabaikan pasca-reformasi Indonesia yang diistilahkan sebagai Orde Reformasi yang bersifat “saling menerkam satu terhadap yang lain (*homo homini lupus*)” yang dianggapnya cara hidup yang keji. Cerapan ini tentunya tidak dapat dibincangkan di dalam makalah ini kerana bahan kajian kami hanyalah karya-karya pra-abad ke-20. Satjipto Rahardjo (t.t) pula menegaskan bangsa Indonesia berkoscologi yang “bukan individualisme, melainkan kontekstualisme”. Mengikutnya, kosmologi kontekstual tidak hanya dimiliki oleh bangsa Indonesia, tetapi juga dimiliki oleh bangsa-bangsa di Asia Timur, seperti Jepun, China dan Muangthai. Antara implikasi kosmologi ini, katanya ialah perihatin kepada perasaan orang lain, dan tidak senang membicara secara terus-terang yang mempermalukan orang lain. Ini pun ternyata muncul dalam kajian kami di dalam makalah ini. Namun kami kira kosmologi ini juga semakin terhakis oleh teknologi maklumat yang tentunya perlu sebuah kajian sosiologi lagi.

Kajian kosmologi suku-suku kaum peribumi/bumiputera di Malaysia dan Indonesia memang agak banyak dilakukan oleh ahli antropologi sejak berabad-abad dahulu lagi (oleh sarjana Eropah) menerusi cerapan mereka (Zaharin drk. 2014 mengumpul ratusan karya mereka ini) tetapi kini oleh sarjana tempatan juga seperti mutakhir ini oleh Ramlee (2014) tentang kosmologi orang asli di Terengganu, Fathorokhman (2015?) tentang kosmologi Suku kaum Baduy, Somanagara (2015) tentang kosmologi orang Mentawai, Chodjim (2012?) tentang kosmologi Sunda, dan anama (2006) tentang kosmologi Batak, tetapi hasil-hasil kajian ini tidaklah dijadikan bahan kajian untuk makalah ini kerana tidak menepati kaedah yang dilakukan untuk makalah ini, iaitu berasaskan pada karya-karya Malayonesia di dalam bahasa Melayu.

Sebuah seminar tentang kosmologi Jawa dan Melayu telah diadakan di Kecamatan Sukarami, Palembang oleh Yayasan Alam Melayu Sriwijaya (Malaya) dan Sriwijaya Supranaturalis Community (SSC) pada 23 April 2016 (lihat Sem Jawa-Melayu 2016) . Istilah Melayu di sini merujuk kepada suku kaum di Sumatera khususnya di Riau dan Palembang. Berdasarkan judul makalah (makalah penuhnya tidak dapat diperoleh) yang dibentangkan nampaknya kosmologi dua suku kaum ini adalah diperoleh ialah berasaskan pada wayang, silat dan amalan kerohanian sahaja.

Agak panjang catatan karya Mochtar di atas kerana nampaknya karya beliau cukup merata tetapi itu hanya berdasarkan tanggapannya sebagai seorang wartawan sahaja; tiada sokongan sifat-sifat ini

sebenarnya terbenam dalam jiwa orang Indonesia yang ditujukannya itu yang sepatutnya dapat dibuktikan menerusi karya-karya bertulis yang besar, berpengaruh dan mewarisi. Justeru, dalam makalah ini judul-judul yang diperkatakan direka bagi tujuan penkategorian kosmologi Malayonesia yang diharap lengkap dan merata berasaskan atau yang diilhamkan daripada kosmologi yang tersirat di dalam prasasti dan manuskrip lama (sebelum abad ke-19) yang dianggap masih diwarisi hingga kini. Sejauh mana pandangan Mochtar bertindan dengan kategori kosmologi Malayonesia di sini akan dijawab atau terjawab pada akhir makalah ini.

Kosmologi Malayonesia dalam makalah ini yang dapat dicungkil setakat ini ialah yang diistilahkan oleh penulis ini dengan istilah-istilah baharunya sebagai hambawanisme, arupaisme, kebatinan, tenungisme, mimpisme, bumipusatisme dan merupusatisme/jabalqafpusatisme, tilik-mahabbatisme, Adamisme, dualisme dan sinkretisme, bilangisme, budisme, metaforaisme, dan mogamogaisme. Setiap satunya dibicarakan berasingan di bawah ini. Kosmologi Malayonesia terakhirnya tiada judul khasnya kerana berupa sifat-sifat khas manusia Malayonesia yang tidak dapat dikategorikan: pamarah-pemuafakat-pemalu-penyombong-penyayang-degil-penakut.

## 1. Hambawanisme

Hambawanisme ialah fahaman bagusnya menjadi hambawan kerana semuanya diberi oleh tuannya, kuasawan. Yang dituntut oleh tuannya hanya setia dan akur sepanjang masa. Tindakan tuannya pula memang pantas, bengis dan zalim kepada sesiapa sahaja yang dahulu setia-akur tetapi tiba-tiba memberi pendapat yang berbeza, berdaya karya, apatah lagi kontra, radikal atau memberontak yang akan dianggap sama dengan musuhnya selama ini sahaja. Oleh itu dalam hambawanisme sukarlah lahirnya cendekiawan awam/masyarakat sehingga makmurlah cendekiawan ikhtisas atau hanya cendekiawan hambawan (yang bahagia dan berbesar hati dengan hanya membantu atau mengampu apa saja tindakan/kehendak kuasawan). Hambawanisme ini perluasan kepada feodalisme selama ini. Kuasawan dalam hambawanisme tidak semestinya seorang raja, kukubesiwan/diktator, tetapi seorang Presiden atau Perdana Menteri, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah, ...hinggalah kepada peringkat ketua dalam sesebuah komuniti sahaja. Dalam sistem hambawanisme, kebenaran hanya dari kuasawan sahaja. Segala ciri feodalisme (Kamus Besar Bahasa Indonesia)/feodalisme (Kamu Dewan) memanglah ada dalam hambawanisme.

Feodalisme memang sudah dirangkul oleh orang Malayonesia sejak akhir abad ke-4 M lagi seperti yang dibuktikan oleh toresan kata-kata di prasasti (dalam Bahasa Melayu) di Dong Yen Chau, Vietnam (zaman Kerajaan Campa) yang menegaskan hukum sumpahan ke naraka selama seribu tahun pada tujuh keturunan seseorang yang menghina simbol raja ketika itu, seekor naga. Dalam “Aku Janji” setiap pegawai kerajaan pada zaman kerajaan Funan (abad ke-7 M; lihat Shahrir 2010) di hadapan api, *Brahmana* dan *Acharya* (semacam guru diraja) jelas menunjukkan pengakuan kehambaan dan kerelaan dihukum oleh raja atas apa-apa kesalahannya semasa perkhidmatannya termasuklah “dilahirkan semula dalam tiga puluh dua naraka selagi adanya matahari dan bulan”. Orang ini diistilahkan sebagai yang daruhaka/durhaka/derhaka (penderhaka) sehingga istilah ini menjadi tahap yang amat ditakuti oleh orang Malayonesia (terutamanya Melayu Malaysia) sampai kini. Menarik juga dicatatkan di sini bahawa dalam Batu Bersurat Terengganu 1303 M bukan sahaja hukuman terhadap sesuatu kesalahan berbeza mengikut kelas sosial pada masa itu, malah hukum hudud yang tercatat di situ semacam dikecualikan terhadap raja. Mengikut *Sejarah Melayu/Sulalaht al-Salatdyn*, dan ini selalulah dipetik oleh para nasionalis Melayu Malaysia terutamanya, hingga kini, ketaatan rakyat (tidak boleh daruhaka) kepada raja dalam bentuk perjanjian baiah raja Melayu pertama (raja Palembang abad ke-7 M), Sang Nila Utama yang bergelar Sri Tri Buana (setengah versi, raja ini bergelar Sang Sapurba/Supraba) dengan Demang Lebar Daun (dikatakan mewakili rakyat; sebenarnya hanya ibu mertua raja itu sahaja).

Bagaimana kuatnya hambawanisme di Malaysia (di kalangan suku kaum Malayonesia bernama “Melayu”) jelas dipersaksikan dengan isu krisis perlembagaan Mahathir-Raja tahun 1990-an, dan kes-kes hasutan di mahkamah dan hebohnya Akta Hasutan sekarang. Bahkan ramai ahli sosiologi dan sains politik Melayu Malaysia menegaskan satu daripada tunggak kemelayuan itu ialah “Raja” (selain daripada agama Islam dan bahasa Melayu; yang memang pun dua tunggak kemudian ini menjadi ciri takrif Melayu Malaysia dalam perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dan Malaysia 1963). Apa pun, ciri utama manifestasi hambawanisme ialah sifat perhambaan jiwa-jiwa Malayonesia

seluruhnya hingga sekarang ini. Akibatnya, walaupun Indonesia yang pernah melalui Revolusi (kemerdekaan dari penjajah Belanda), Malayonesia amnya amatlah konservatif, tidak suka perubahan, bencikan pembaharuan, radikalisme,... dan sebagainya.

## 2. Arupaisme

Orang Malayonesia amatlah kuat percaya kepada alam yang tiada tercerapkan, yang halimunan, atau yang ghaib atau istilah Melayu lamanya, yang arupa (tiada nampak rupa sedikit pun) kerana itulah ajaran yang dipegang oleh orang Malayonesia sebelum mereka Islam lagi menerusi animisme, Hinduisme dan Buddhisme. Itulah yang diistilahkan di sini sebagai arupaisme. Kepercayaan kepada kewujudan dan kekuasaan hantu (orang halus, orang bunian, penunggu, pelesit, dan sebagainya dalam animisme); kepada dewa-dewi (dsbnya dalam ajaran Hinduisme dan Buddhisme) tidaklah asing lagi di kalangan orang Malayonesia hingga kini (walaupun kini kebanyakannya dalam bentuk yang berapologis dan amat terselindung, menyelubungkannya dengan Islam). Apabila Islam mempengaruhi kehidupan mereka (mulai abad ke-13 M) mereka diwajibkan percaya kepada makhluk ghaib (menjadi Rukun Iman), yang utamanya kewujudan dan kemahakuasaan Tuhan yang Asa, Allah, diikuti dengan kepercayaan kepada Malaikat dan seterusnya kepercayaan kepada makhluk Allah yang ghaib seperti malaikat juga yang dinamai jin (jin Islam dan jin bukan Islam yang terdiri daripada Syaithan/Setan dan Iblis). Orang Melayu mulanya memadankan sahaja (mengeyakan ajaran Islam ini) dengan kepercayaan yang sedia ada padanya seperti Allah Rabb al-*'Aalamyyin* dengan Dewata Mulia Raya (terpahat di Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 M dalam Jawi yang juga mengandungi istilah-istilah Islam dan hukum hudud), atau Sang Hyang Tunggal dalam cerita penglipur laranya (Selampit dan Wayang Kulit yang telah dirakamkan oleh Hashim 2006, umpamanya); sebahagian dewa baik dengan malaikat, sebahagian lagi dewa-dewi baik yang lain dengan jin Islam, dewa-dewi jahat (dan hantu, penunggu, orang halus, bunian dsbnya) dengan setan, dan iblis.

Walau bagaimanapun orang Malayonesia menjadi masalah dengan rekonsiliasi kekuasaan kepada makhluk ghaib ajaran Islam dengan pra-Islam mereka itu sehingga seringlah mereka itu berada di pinggir-pinggir syirik dalam ajaran Islam. Kepercayaan kepada perkara ghaib ini termanifestasi atau dimanifestasi dalam kepercayaannya terhadap tata-atur kosmologi (alam semesta) jasmani ini pun. Mengikut kajian kosmologi orang asal oleh Endicott (1979) dan Howell (1984) masing-masingnya terhadap kaum Batek (di Kelantan) dan Chewong (di Pahang), alam ini berlapis-lapis (7 lapis bumi dan 7 lapis langit yang tiada jelas perinciannya) yang satu daripadanya sahaja alam kita ini dan yang lainnya alam ghaib termasuklah alam yang didiami oleh manusia yang telah mati. Kajian Ramlee (2014) terhadap orang asal Terengganu suku kaum Semaq Beri pula percaya bahawa kehidupan manusia ini dikawal oleh kuasa ghaib aditabii yang namanya pelbagai, iaitu *Tohan*, *Karei*, dan kemudiannya Adam dan Hawa (pengaruh Islam), yang tinggal di gunung dan hutan rimba. Suku kaum ini juga percaya adanya makhluk adimanusia, iaitu roh nenek moyang yang telah meninggal yang dinaminya *ruwai* dan manusia di kalangan mereka juga yang diberi gelaran *semaq hala'*, *orang hala'* atau *pawang*. Alam semesta bagi Semaq Beri juga berlapis-lapis dengan bilangannya 7 lapis bumi dan 7 lapis langit yang berselang-seli dengan pusatnya ialah bumi kita ini. Lapisan bumi yang ketujuh itulah tempat tinggal *Tohan*, dewa-dewi, roh orang mati dan segala makhluk ghaib yang lain. Mengikut Hinduisme alam semesta ini ada tiga kategori *loka*-nya: *Bhurloka* (alam nyata), *Bhovarloka* (alam ghaib yang didiami oleh orang yang baik-baik), dan *Svargaloka* (alam ghaib yang menjadi tempat tinggal segala dewa-dewi; dimelayukan menjadi syorgaloka/syorgaloga dengan makna keislaman pula). Mengikut Buddhisme pula, tiga kategori alam semestanya, *dhatu*-nya: *Kamadhatu*, *Rupadhatu* dan *Arupadhatu* masing-masing sepadan dengan loka Hinduisme di atas. Tiga kategori alam ini dimanifestasikan dalam seni bina kuil Hindu-Malayonesia (dicontohi oleh Candi Prambanan di Yogyakarta yg dibina dalam abad ke-9 M), candi Buddha-Malayonesia (dicontohi oleh Candi Borobodur di Yogyakarta yang dibina dalam abad ke-8 M), masjid (dicontohi oleh Masjid Agung di Demak, Jawa, yang dibina dalam abad ke-15 M; dan Masjid Kg Laut di Kelantan yang dibina dalam abad ke-17 M), masing-masingnya dengan tiga aras bumbungnya seanalogue dengan kuil dan candi yang disebut di atas tetapi dengan tafsiran Islamnya: aras pertama itu mewakili aras *syari'at*, diikuti oleh aras *ma'rifat* dan aras *haqyqaht/hakikat*; bahkan rumah-rumah limas dan rumah potong Malayonesia sekarang pun masih bercirikan aras-aras ini. (Lihat rajah-rajah berkenaan di Lampiran, Rajah L1). Dalam ajaran shufy/sufi/tashawuf /tasawuf pula lebih banyak lagi tingkat alamnya, iaitu

yang biasa kedengarannya ialah Alam Hahut, Alam Jabarut, Alam Malakut, Alam Lahut, Alam Barzakh, Alam Nasut/Alam Musyahadah/Alam Nyata dan Alam Ajsam yang kecuali dua terkahir ini sahaja yang bukan alam ghaib.

Tidak syak jugalah kepercayaan terhadap arupaisme dan usaha penzahirannya menerusi senibina kuil, candi, masjid dan rumah menjadikan orang Malayonesia bitara dan tinggi keseniannya. Inilah rahsia benarnya pandangan Mochtar bahawa “manusia Indonesia” artistik dan berjiwa seni.

### 3. Kebatinan

Orang Malayonesia, sesuai dengan kepercayaannya kepada arupaisme itu, amatlah percaya kepada perkara-perkara yang berkuasa menerusi alam ghaib itu, yang kini diistilahkan sebagai mistikisme (daripada Bahasa Inggeris *mysticism* yang diambilnya daripada Latin *mysticus* dalam abad ke-17M), tetapi dalam bahasa Melayu yang lebih aslinya ialah kebatinan (drp Bahasa Arab, *batdin*). Ilmu kebatinan orang Malayonesia wujud ketika mereka memeluk animisme lagi dan ilmu ini dimiliki oleh mereka yang diistilahkan tok pawang, bomoh, belian, cenayang dan poyang (lihat kamus Winstedt 1972 di bawah masukan *mysticism*), dan amnya ahli antropologi Barat lebih suka dengan istilah *shaman*. (yang berasal daripada bahasa orang-orang Asia Utara di bawah pemerintahan/pengaruh Rusia). Pada zaman orang Malayonesia memeluk Hindu-Buddha pengetahuan/widya ini dimiliki orang-orang tertentu yang mengamalkan pertapaan dan mereka ini mungkin sekali dikenali sebagai *yogi* (lihat HRP yang menceritakan kehebatan kebatinan *yogi* yang datang ke Pasai) dan ilmunya *yogasansiddhi* (Sanskrit) atau *gulhadhamma* (Pali) (dua istilah yang dipetik daripada kamus English-Sanskrit dan English-Pali di Internet). Apabila orang Malayonesia memeluk Islam ilmu kebatinan ini dimiliki oleh mereka yang ahli dalam *tashawuf*/tasawuf/tasauf atau *shufy*/sufi, *sluwk/suluwk/suluk*, khalwat dan *tdariqaht*/tarikah. Hampir semua ulama besar Malayonesia sebelum abad ke-20 M, bermula dengan Hdamzah Fanshury/Hamzah Fansuri adalah ahli shufy dan kebanyakannya beraliran *tdariqaht Shatdariyyah*. (Lihat WMS 1998-2001). Lamanya dan popularnya *tdariqaht* di Malayonesia ini dapat dibuktikan dengan adanya sebuah manuskrip Melayu-Jawi, *Mukhtasar Amalan Tdariqaht al-Satdariyaht* yang ditulis pada zaman Sultan Shafiyaht al-Dyn (raja Aceh pertengahan abad ke-17 M) oleh anama yang tersimpan di Perpustakaan Negara berkod Ms 1659: 58-80.

### 4. Tenungisme

Orang Malayonesia amat percaya kepada untung-nasib diri berasaskan bulan-bintang, hari, bulan, tahun, rupa, swagerak anggota badan, dan tempat bahkan kehadiran haiwan. (lihat *Taj al-Mulk*) Tenungan, tilik atau ramalan untung-nasib seseorang di Malayonesia bukan sekadar berasaskan pada 12 buruj bintang yang dinamai dalam bahasa Melayu lama sebagai rasi/raksi (dengan nama-nama burujnya dalam bahasa Sanskrit-Melayu seperti Karkata (Sanskrit)/Mengkara (Melayu), yang kemudiannya mendukung istilah dalam Arab-Melayu menjadi *Sar(a)tdan* (Arab)/Sar(a)tan (Melayu) (istilah ini sudah ada tertulis di Batu Bersurat Terengganu 1303 M itu) dan kini ramai yang beralih kepada nama Latin-Inggeris-Melayu *Cancer* (Inggeris-Latin)/kanser (Melayu); senarai penuhnya dalam Shahrir 2013b) tetapi juga pada 28 buah buruj bintang yang dikenali dalam Bahasa Melayu lama (disebut dalam prasasti Talang Tuwo abad ke-7 M lagi) sebagai Naksatra (daripada Sanskrit) dan kemudiannya Manazil (daripada Bahasa Arab) yang dianggap persinggahan bulan, dan sejak abad ke-13 M baharulah ada pula dalam bahasa Inggeris sebagai *Lunar Mansion* (Mahligai Candra/Qamari). Sejak abad ke-20 istilah rasi/raksi digantikan dengan istilah zodiak dan horoskop (daripada Inggeris *zodiac* dan *horoscope* yang diambilnya daripada bahasa Yunani-Latin, *zodiakus/zodiacus* dan *horoscopus*, dengan *horo* itu daripada Sanskrit-Melayu *hora* itu). Senarai nama Manazil ada dalam manuskrip al-Ranyry (1639), walaupun ada beberapa yang tersalah salin dan tertinggal, dan padanannya dalam bahasa Melayu lama (daripada Sanskrit) dan Inggeris ada dalam Shahrir (2014a dan lebih lengkap lagi dalam Shahrir 2014b) yang sekaligus memperbetul dan melengkapkan senarai nama Manazil itu. Hanya satu buruj bintang Naksatra ini yang masih terkenal namanya hingga kini, iaitu Kartika (daripada Sanskrit, *Krittika*). Pengetahuan atau widya berkenaan dengan tenungan dan tilik-menilik yang tidak berdasarkan rasi/zodiak dan Naksara/Mahligai Candra itu dikenali juga sebagai *kutika* (kini menjadi ketika) dan *rejang* (sudah terfosil); manakala ilmu

daripada penglihatan rupa, swagerak anggota badan dikenali *firasat* (dalam *Taj al-Salatdin* 1603), dan sepenuhnya *firasaht al-hukama'* (dalam *Taj al-Mulk*). Dalam zaman pra-Islam, pengetahuan atau widya tenungan berasaskan bintang ini dinamai hora (atau *huar* dalam bahasa Campa Lama) dan karyanya horasastera manakala ahlinya hora juga atau *sakta huar* (Camp Lama) yang dirakamkan dalam kamus Shorto (1971), Pou (1992) dan Aymonier dan Cabatan (1906). Zaman Islam pengetahuan ini ialah ilmu nujum dan pakarnya dikenali sebagai ahliil nujum (dan yang tidak popularnya, *tanjaim/tanjym*). Orang Malayonesia begitu percaya dan memuliakan ahliil nujum sehingga setiap raja mewujudkan jawatan khas diistananya, Ahliil Nujum Diraja (lihat HRP dan filem Nujum Pak Belalang) atau *Gururaja* dan *Acharya* pada zaman pra-Islam yang diperihalkan dalam Shaharir (2010). Tenungisme masih berleluasa diamalkan oleh para bomoh orang Malayonesia. Istilah rasi dalam bahasa Melayu kini masih dipakai tetapi terutamanya dengan makna padan atau sesuai walaupun tidak semestinya menerusi tenung/tilik itu. Manifestasi terbaharu di Malaysia tentang kepercayaan kepada tenungisme ialah peristiwa kehadiran bomoh menyelesaikan kehilangan MH370 pada 8 Mac 2014. Kegagalan kedua-dua cara, cara bomoh dan cara S & T moden mendapatkan kapal terbang yang hilang-ghaib sehingga kini tidak syak lagi memperkuatkan lagi kepercayaan Malayonesia kepada tenungisme. Sama seperti dengan arupaisme, orang Malayonesia menghadapi masalah kemelut aqidah dengan tenungisme kerana Islam jelas mengharamkan “tenung nasib” (istilah dalam *al-Qur'aan* ialah *azlamu rijs*=menenung nasib dengan anak panah yang ditegaskan Allah sebagai amalan syaitan dalam *Suraht al-Maa-'idah* ayat 90). Ini termanifestasi dengan jelasnya pada seorang ulama Aceh, 'Abd Qadyr 'Abd al-Rahman (Abdul Kadir Abdul Rahman), apabila beliau dititahkan oleh rajanya untuk menterjemah buku ilmu nujum terkenal karya *tanjaim* besar, *Abi Ma'syar* (meninggal 885 M), kerana beliau mengakui haramnya amalan ilmu ini tetapi kerana hambawanismenya akhirnya “terpaksa menjunjung titah” kepada rajanya sambil memohon ampun kepada Allah kerana beliau menterjemah juga buku itu pada tahun 1209 H/1794 M yang ada dalam Perpustakaan Negara Malaysia dengan judul, *Abi Ma'syar al-Falaki* berkod MSS15666 (Cerita ini dirakamkannya dalam pengenalan buku terjemahannya ini). Perihal tenungisme yang agak lengkap dapat disaksikan bahkan ditelaah dalam buku klasik Melayu-Jawi berjudul *Taj al-Mulk* (Tajul Muluk) karya Syaykh Ismail (bin 'Abd al-Mutdalib) Aceh/al-Asyi tahun 1893 yang amat laris jualan hingga kini dan muncul pula dalam internet dan memang menjadi popular di kalangan “anak muda” kini. (Berkenaan penulis *Taj al-Mulk* ada yang tersalah, termasuk penulis makalah ini juga dalam tahun 2003 (dlm *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 2003, 1(2): 157-204) terikut-ikut penulis sebelumnya dengan menyatakan penulisnya ialah Tuan Hasan Besut Ibn al-Marhum Tuan Ishak Fatani 1249H/1824M walaupun sebenarnya Hasan ini ialah penterjemah *Hadith Empat Puluh* Imam Nawawi yang memang dimuat ke dalam *Taj al-Muluk* itu). Menarik juga tentang berlakunya kesesatan anak-muda ini apabila setengahnya tersalah anggap bahawa kitab ini adalah sebuah kitab Islam semata-mata kerana dalam Jawi dan karya seorang ulama.

## 5. Mimpisme

Orang Malayonesia amat percaya pada mimpi. Oleh sebab mimpi dalam bahasa Sanskrit ialah *swapna*, *supina* dalam Pali, dan *hilm* dalam Bahasa Arab, maka besarlah kemungkinannya mimpi ialah perkataan asli Malayonesia. Perbuatan mentafsir sesebuah mimpi diistilahkan oleh orang Malayonesia Islam sebagai *ta'abiyr/ta'abir* (drp bahasa Arab, *ta'byry* تعبيري yang bermakna berdaya ungkapan atau berperibahasa, drp kamus Arabic-English dlm internet); sedangkan dalam bahasa Arab sebenarnya ialah *tafsir al-hilm*, dalam Sanskrit ialah *swapnavicarin* (swapnabicara?) dan dalam Pali tidak dapat diketahui. Penta'abir/Tukang ta'abir dalam bahasa Arab ialah *hilm al-rawi/al-sharaf* manakala dalam bahasa Sanskrit ialah *swapnadhyaavid* dan dalam Pali ialah *supinapathaka* (semua ini drp kamus English-x, x=Sanskrit, Pali, dalam internet). Dalam kitab *Taj al-Mulk* ada suatu bab khusus membicarakan *penta'abiran* mimpi sehingga ada yang bertentangan dengan Islam seperti *menta'abir* mimpi bertemu Allah, dan Nabi Muhammad SAW. (Mungkin sekali pengaruh mimpi dewa-dewa orang Malayonesia pra-Islam) Hampir semua bomoh Malayonesia memperoleh ilmunya menerusi mimpi (sudah menjadi pengetahuan umum) ; begitu juga dengan penghasilan topeng dan patung oleh orang asal/asli Mah-Meri (Werner 1997). Islam memanglah mengiktiraf adanya mimpi benar (tanpa tafsiran atau keperluan ta'abir lagi) seperti yang berlaku pada nabi-nabi dan orang-orang

pilihan Allah. Barat tidak mengiktiraf mimpi sebagai suatu kaedah sains, walaupun ada beberapa orang ahli sains Barat sendiri yang mendakwa mereka beroleh teorinya menerusi mimpi seperti yang terkenal mimpi Watson dengan bentuk *DNA* yang berpilin itu; Decartes bermimpi dengan falsafah kaedah sainsnya; dan Kekule dengan struktur benzenanya (Lihat Wikipedia). Yang terkenal ialah teori mimpi Freud (meninggal 1939) dan anak muridnya Jung (meninggal 1961; kedua-dua menjelaskan sebab-sebab orang bermimpi sahaja) yang dikembangkan oleh Perls (tahun 1960-an), Hall (meninggal 1985) dan van de Castle (masih hidup, dilahirkan 1927) dikatakan berjaya mengkategorikan mimpi kepada watak, emosi, interaksi, nasib malang, objek dan seting yang setiap satunya bergantung budaya. (Lihat Ball 2001).

Sungguhpun teori mimpi Barat di atas sedikit-sebanyaknya mampu menjelaskan kesamaan dan perbezaan kategori mimpi yang ada pada semua bangsa tetapi perkara-perkara yang dimimpikan dan tafsiran/*ta'abir*-nya tetap berbeza terhadap mimpi yang sama. Jenis mimpi dan tafsiran mimpi orang Malayonesia, mungkin berpotensi banyak dipengaruhi oleh mimpi dan tafsiran mimpi orang Hindia dan orang Arab tetapi itupun ternyata agak meleset kerana agak banyak yang berbezanya. Umpamanya, senarai mimpi orang Malayonesia dan tafsirannya yang ada dalam *Taj al-Mulk* itu cukup banyak berbezanya dengan mimpi dan tafsiran orang-orang bangsa lain walau dengan bangsa yang dijangka berkongsi mimpinya seperti Hindia dan Arab. Mimpi tentang ular dan gajah umpamanya, mengikut tafsiran orang Hindia berbeza dengan mimpi ular dan gajah yang dalam *Taj al-Mulk*; dan mimpi unta dan korma umpamanya, mengikut tafsiran Arab berbeza dengan yang dalam *Taj al-Mulk* (lihat Interet Mimpi Hindia dan Internet Mimpi Arab).

Ball (2001) membicarakan mimpi dan tafsirannya di kalangan orang Barat dengan rincinya dan sedikit mimpi dan tafsiran orang China purba yang dikatakan (dalam "Preface" buku itu) setengahnya sama dengan yang berlaku pada orang Barat. Namun apabila perbandingan senarai mimpi China Purba dan tafsirannya (pipi 17-21 buku itu) dilakukan dengan yang ada dalam *Taj al-Mulk* didapati tiadalah kesamaannya. Pertamanya tiadalah mimpi roh nenek moyang, naga, kapak, permata jed, buah/pokok zaiton, *poplar* (sejenis pokok yang kecil-tinggi, biasa ditnm untuk berteduh atau untuk papan dan palpa, ada di China dan Eropah), *unicorn* (Inggeris)/*ky-lin* (sejenis haiwan mitos yang, mengikut kamus Winstedt 1972, sama dengan rusa senggirek), *yarrow* (sejenis pokok yang daunnya seperti bulu dan bunganya berwarna putih dan merah jambu muda yang ada di China dan menjadi herba, dan ada juga di sesetengah negara di Eropah). Mimpi orang China tentang api, burung hantu, ikan, kuda, naga, telur, sungai dan ular (bukan naga) yang juga ada dalam *Taj al-Mulk* ternyata semuanya berbeza tafsirannya. Umpamanya, mimpi naga bagi China sentiasa bermakna perkara yang berhubung dengan wang dan kemasyhuran tetapi bagi Malayonesia (dalam *Taj al-Mulk*) tiada demikain. Mimpi permata jed mungkin hendak dipadankan dengan mimpi permata (am) dan maknikam dalam *Taj al-Mulk*; tetapi ini pun tafsirannya agak berbeza (China sentiasa ditafsirkan dengan tuah yang baik tetapi *Taj al-Mulk* hanya beroleh harta atau menjadi penghulu/ketua yang dikasihi sahaja. Ini menunjukkan mimpi Malayonesia dan tafsirannya amatlah bitara.

Istilah *ta'abir* telah cuba dijadikan istilah taabir (tiada koma untuk memenuhi keperluan sistem ejaan Bahasa Melayu baku 1972) dalam statistik oleh penulis ini dalam tahun 1980-an dahulu bagi maksud *infer* dalam bahasa Inggeris lalu adalah istilah *pentaabiran statistik* untuk *statistical inference*. Malangnya pihak DBP telah menjadi tikus membaiki labu dengan merakamkan istilah ini dalam kamusnya sebagai *takbir* dan *pentakbiran statistik* hingga sekarang walaupun sudah dimaklumkan beberapa kali akan kesilapan besar ini. Ini akibat pembuat kamus yang sudah tidak mengetahui kosmologi asli Malayonesia, yang diistilahkan di sini sebagai mimpisme ini. Dalam Bahasa Arab, *infer* diistilahkan sebagai *istantaj*, manakala *inference* ialah *istidlal* yang terkenal penggunaannya oleh para sarjana zaman Tamadun Islam dahulu lagi (Kamus English-Arab di internet dan Shaharir 2000), oleh itu istilah *ta'abir/taabir* (apatah lagi *takbir*) sebenarnya tidaklah sesuai untuk diangkat menjadi istilah *infer* dalam Bahasa Melayu yang mewarisi ilmu daripada Tamadun Islam.

## 6. Bumipusatisme dan Merupusatisme atau Jabalqafpusatisme

Orang Malayonesia amnya percaya alam semesta (yang nyata) ini terdiri daripada banyak alam kecilnya yang setiap satunya mengandungi bulan-bintangnya sendiri yang berpusatkan bumi (bagi alam kita yang ada tujuh bintang siarahnya terasuk matahari dan bulan) dan bumian masing-masing



(bagi alam kecil yang lain lagi itu). Kepercayaan inilah yang diistilahkan di sini sebagai bumipusatisme (kepercayaan kpd bumi menjadi pusat alam kecil kita ini). Keseluruhan alam semesta ini berpusatkan sebuah bukit maha besar yang diberi nama Meru sebelum Islam (yang dirakamkan oleh Nakula 1984 dan ditafsirkan oleh Shaharir 2000); dan Jabal Qaf setelah Islam (dalam manuskrip al-Ranyry 1639 yang telah dirujuk di atas). Kepercayaan inilah yang layak diistilahkan sebagai Merupusatisme dan Jabalqafpusatisme. Mengikut Nakula itu, alam semesta kita ini terdiri daripada tiga alam: Alam Ghaib Lagi Ghaib atau *al-'Arsy al-'Azhim*, Alam Ghaib dan Alam Nyata (sepadan dengan kategori alam dalam kosmologi Hindu dan Buddha itu). Alam Ghaib berada dalam alam berbentuk sfera bernama *Mahameru* dan berbentuk kuboid bernama *al-'Arsy al-'Rahman*. Dalam alam kuboid inilah ada banyak alam yang sebuah daripadanya bernama *Meru* (nama Sanskritnya) atau Kahyangan/Kayangan (nama peribumi) yang diislamkan sebagai *al-'Arsy al-'Karim* yang didiami oleh para roh Nabi, Rasul dan wali (pengislaman kepada dewa-dewi Hindu-Buddha). Dalam Kahyangan inilah ada banyak alam lagi dan antaranya sebuah alam sfera bernama *Hansa* yang diislamkan sebagai *al-'Kursy al-'Azhim* yang mengandungi banyak Alam Nyata (sepadan dengan *Bhovarloka* dalam kosmologi Hindu dan *Kamadhatu* dalam kosmologi Buddha). Di kalangan Alam Nyata inilah adanya Alam Nyata Kita ini yang bernama Jabal Qaf (pengislaman kpd nama Hindu-Buddhanya, *Brahmanda*). Jabal Qaf ini ada tujuh petala bumi dan 7 petala langit. Naraka berada pada petala langit yang ke-7; semua langit berada pada petala bumi yang pertama. Pada langit pertama ada alam bernama *Bimasakti* (yang sekarang istilah ini diambil untuk menamakan galaksi/bintamabor kita). Inilah alam semesta Hindu-Buddha Malayonesia yang diislamkan buat kali pertamanya dan layak dinamai kosmologi sinkretik Hindu-Buddha-Islam yang gambarajahnya pertama kali dipaparkan dalam Shaharir (2000) dengan sedikit ralat yang mudah dicam pembaca. Gambarajah yang diperbaiki supaya tiada ralat itu ada dalam Shaharir (2014a). (Lihat rajah di Lampiran, Rajah L2). Perisa kosmologi ini masih ada dalam jiwa orang-orang Malayonesia bersama dengan model alam semesta yang lebih menghayati Islam lagi yang dilakukan oleh al-Ranyry dan diterangkan secara ringkasnya di bawah ini.

Mengikut al-Ranyry (1639), alam semesta ini berpusatkan Jabal Qaf dan ada tujuh petala/lapis (sebenarnya setiap petala itu berbentuk permukaan kubah keria atau torus) di keliling Jabal Qaf itu yang setiap satunya mengandungi 40 ribu alam bumian dan pada setiap alam bumian itu ada lagi 40 ribu alam bumian lain lagi menjadikan jumlah alam bumian dalam alam semesta ini sebanyak 34.3 bilion alam. Dalam petala pertama itulah ada 7 lapis langit dan langit pertama itu dinamai *Bimasakti*. Sekarang ini, mengikut tataletak objek di langit dalam kosmologi Barat, *Bimasakti* ini dijadikan istilah Melayu (sejak 1980-an) untuk nama bintamabor/galaksi alam khusus kita ini yang berupa satu daripada ribuan galaksi alam lain lagi, yang sedikit-sebanyaknya telah menghakis kosmologi asal Malayonesia. Mengikut teori al-Ranyry lagi selepas langit ke-7 itu ada 7 lapis lautan, dan selepas itu ada 8 hijab yang setiap satunya ada 70 hijab lagi yang berlainan tabiinya. (Lihat rajah di Lampiran, Rajah L3). Bagaimana kuatnya kosmologi Malayonesia asal ini dianuti oleh orang Malayonesia kini pun dapat disaksikan dengan larisnya jualan buku Ahmad sabiq (1427 H/1992 M) yang memerihalkan benarnya bumi (bukan matahari) menjadi pusat alam kecil kita menurut ajaran Islam (sebenarnya tafsirannya).

## 7. Tilik-mahabbatisme

Asal-usul alam semesta dan makhluk di dalamnya (dan di luar alam semesta ini. Alam Ghaib Lagi Ghaib itu) bermula dengan cahaya yang bernama *Nur Muhammad* dan mengalami 7 martabat penciptaan ilahi, dinamai Martabat Tujuh. Teori ini, yang tertua rakamannya setakat ini, ada dalam manuskrip karya al-Ranyry/al-Raniri (1639). Mengikut teori ini, setiap kejadian martabat dan makhluk atau spesies di dalam setiap martabat itu tidaklah terjadi secara evolusi Darwin atau Darwinan (iaitu secara tabii, berkebetulan, dan sesuai dengan persekitaran sehingga makhluk terjadi itu paling cocok untuk kemandirian makhluk tersebut). Sebaliknya, setiap kejadian kejasmanian dan makhluk atau spesies itu menerusi proses *tilik mahabbat Allah* sahaja. Itulah dicipta istilah tilik-mahabbatisme di sini bagi menggantikan Evolusisme itu. Sudahlah demikian, jujukan kejadian spesies seperti dalam Evolusisme itu tidak berlaku langsung dalam teori *Nur Muhammad* dan Martabat Tujuh ini, bahkan Allah mencipta setiap benda menerusi tilik-mahabbatisme itu dengan mencipta nyawanya atau

rohnya dahulu daripada *Nur Muhammad* itu, dan roh pertamanya ialah roh manusia dan daripada roh manusialah dijadikan Allah roh makhluk-makhluk lain termasuklah haiwan diikuti dengan roh tumbuhan dan daripada roh tumbuhan itulah Allah mencipta 4 bahan asasi: tanah, air, api, *hdawa* / hawa (angin). Jelas pertentangannya dengan Evolusisme. Selanjutnya, dengan tilik-mahabbatisme jugalah terjadinya langit menerusi proses api menyalakan air menjadi asap dan seterusnya langit. Kemudian langit ini dianggap juga oleh sarjana Malayonesia dahulu sebagai bahan asasi yang kelima yang disamakan dengan istilah akasa (Sanskrit) seperti yang dihuraikan oleh Shaharir (2011).

## 8. Adamisme

Orang Malayonesia amnya masih percaya bahawa manusia pertama ialah Adam (yang bukan terevolusi daripada spesies hidupan yang lebih rendah!) dan manusia kedua ialah Hawa (menjadi isterinya) yang dicipta Allah di alam ghaib dan kerana melanggar perintah Allah mereka dihantar ke bumi ini. Inilah Adamisme. Teori kejadian Adam mengikut teori al-Ranyry (1639) agak terperinci lagi yang setakat ini ada diperhalkan di dalam tafsir *al-Qur'aan* oleh Hamka (1972) sahaja. Mengikut teori al-Ranyry ada 10 ribu Adam dengan 200 ribu zuriatnya di alam lain lagi sebelum terciptanya Adam yang turun ke Bumi kita ini dengan zuriatnya sampai sekarang ini dan senggang masanya ialah 10 juta tahun. Teori “ramai adam” ini mungkin sekali tidak ramai yang mendukungnya lagi, oleh itu tidaklah menjadi unsur kosmologi utama Malayonesia. Walau bagaimanapun Adamisme, sama seperti tilik-mahabbatisme, menjadi konflik dalaman yang agak besar pada ahli sains Malayonesia kini yang hampir semuanya percaya kepada Evolusisme. Mungkin sekali kosmologi dualisme terhadap asal kejadian spesies berlaku pada sebahagian besar sarjana Malayonesia.

## 9. Bilanganisme

Orang Malayonesia cukup percaya kepada mistikisme yang ada pada nombor atau bilangan dan angka-angka khusus. Walaupun kepercayaan ini juga ada pada bangsa-bangsa lain sejak zaman Tamadun Yunani tetapi bilangan yang dianggap mistik (menjadi penangkis musibah, pembawa tuah atau penyembuhan dsbnya), bagi org Malayonesia ada yang berbeza dengan kepercayaan bangsa lain itu. Mengikut penggunaan dalam peribahasa Melayu bilangan yang mistiknya ialah empat, enam, tujuh, sembilan, dan ribu seperti dalam peribahasa *tidak tahu empat* (kebodohan); *bagai tali berlembar empat*, *bagai tungku sejerangan* (kesempurnaan); *empat sudah bersimpul satu* (kesempurnaan); *sifat tujuh laksana* (kesempurnaan); *tujuh gunung sembilan lautan*; *tongkat enam Sembilan*; dan *rambut belah tujuh/seribu*. Dalam konteks bilangan objek di langit (kosmologi kejasmanian Malayonesia) dan unit jarak, saiz dan masa astronomi Malayonesia bilangan tujuh, puluh ribu (dan gandaan atau gabungannya) kerap diungkapkan dalam astronomi dan kosmologi al-Ranyry (1639) dalam karyanya yang telah disebut di atas. Beliau menyebut ada tujuh bintang siarah, tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, sepuluh petala bulan-bintang yang mengelilingi bumi, tujuh puluh ribu alam berpusat bumian pada setiap petala alam itu mengelilingi Jabal Qaf. Saiz bintang siarah dibandingkan dengan saiz bumi, iaitu 10 kali saiz bumi menjadi satu unit saiz astronomi bernama kian (kyn, كين), jarak dalam unit hari atau tahun perjalanan (kaki atau pelayaran) seperti jarak antara langit-langit dalam teori al-Ranyry itu ialah 500 tahun perjalanan, masa dalam unit tahun perjalanan seperti al-Ranyry menyatakan ada sepuluh juta tahun lamanya untuk sepuluh ribu orang bak Adam dan dua ratus ribu makhluk bak manusia (di bumi ini) hidup. Dalam manuskrip berjudul *Seribu Masalah* (t.t dan anama penterjemah/penyalinnya) yang tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia berkod Ms 505 ada unit banyaknya benda yang distilalkannya gedung atau gudang (كدغ) dan peti dengan hubungannya 1 gedung/gudang = 70 peti. Susunan angka empat petak segi empat sama (diisi dengan bilangan karib, lalu ahli metamatik menamainya segiempat sama ajaib) dipercayai orang Malayonesia sebagai azimat atau tangkal yang mujarab (Ada dalam kitab *Taj al-Mulk*).

## 10. Dualisme dan Sinkretisme

Ahli sains Malayonesia rata-rata berpegang pada falsafah kebenaran sains kini (Barat/moden) dan agamanya (Islam) mengikut pendirian Galileo ketika beliau dibicara dimahkamah *Inquisitionem*

(diinggeriskan kepada *Inquisition*) dalam tahun 1632 dahulu (sezaman dengan al-Ranyry di Malayonesia). Galileo menegaskan yang beliau percaya kebenaran ajaran Katholiknya dan kepada ilmu baharunya berasaskan cerapan (teleskop ciptaannya) pada masa dan tempat yang berbeza. Entah mengapa jawabannya itu menyelamatkan nyawanya daripada disalib atau dibakar hidup-hidup (suatu hukuman yang biasa dikenakan kepada pesalah dalam *inquisitionem* di Eropah seperti yang berlaku pada ratusan sarjana yang lain sebelumnya). Dualisme dalam pendirian kosmologi Galileo inilah rasanya rata-rata menjadikan fahaman liberal dan sekular Malayonesia yang berbeza dengan liberalisme dan sekularisme Barat sepenuhnya. Memanglah sudah ada kini sarjana Malayonesia yang dengan gahnya memeluk sekularisme dan liberalisme Barat sepenuhnya (dengan memegang kepada kebenaran sains Barat sahaja) tetapi mereka ini tiadakah mewakili umat Malayonesia amnya. Yang lebih ramai lagi ialah orang Malayonesia yang mengamalkan dualisme dalam pandangan hidupnya, iaitu sinkretisme daripada kosmologi Hindu-Buddha-Islam dan kosmologi Islam sepenuhnya; atau sinkretisme kosmologi Islam dan kosmologi Barat. Bagaimana benarnya kehidupan ahli sains Melayu Malaysia dalam dualisme ini dapat dilihat pada bilangan kecilnya ahli Akademi Sains Malaysia (ASASI) yang memperjuangkan penyahbaratan sains moden ini dan popularnya karya Buccaillis atau *i'jazis*. Ahli ASASI terdiri daripada mereka yang percaya kepada banyaknya unsur sains Barat/modern yang tak serasi dengan ajaran Islam dan oleh itu perlu didekati semula secara kritisnya, seterusnya diubahsuai atau digantikan dengan teori berasaskan Islam sepenuhnya; manakala ahli sains yang kemudian itu pula cuma percaya kepada keperluan mengesahkan atau mengukuhkan sains Barat/modern ini dengan ayat-ayat *al-Qur'aan* atau sains moden dianggap semata-mata sentiasa benar pada aras, masa dan tempat yang berbeza daripada aras kebenaran agama (yang sesuai dengan Galileoisisme).

## 10. Metaforisme

Orang Malayonesia tidak suka berterus-terang dalam menyatakan sesuatu tetapi memilih untuk membuat perumpamaan atau bidalan atau amnya dinamai peribahasa yang berasaskan cerapan tajam mereka terhadap flora dan fauna atau alam sekelilingnya yang bermula dengan perkataan seperti, *bagai*, *bak*, *ibarat*, *laksana*, *macam* atau *umpama*. Contohnya, *seperti lotong meniti batang kayu* (orang yang tak kesah pada keadaan sekelilingnya); *bagai aur dengan tebing* (keadaan yang saling bantu-membantu); *bak nyiru bak tempian*, *bak guru*, *bak anak sisan* (murid-murid biasanya mencontohi kelakuan gurunya terutamanya yang tak baik); *ibarat pasang masuk muara* (perkataan atau celaan yang tidak dapat ditahan-tahan keluaranya); *laksana batang manau*, *seribu kali empat haram tak patah* (amat teguh dan kuat); *macam betung seruas* (terlalu jujur); *umpama kayu lempung*, *belum ditolak condong sendiri* (orang bodoh dan penakut mudah menurut orang lain). Ada peribahasa yang menyatakan sifat atau tabii sesuatu benda dengan tepatnya tetapi telah dipindahkan makna lurusanya itu kepada makna lain yang dikehendaki oleh pengucapnya itu tetapi tetap boleh difahami dengan mendalamnya oleh pihak yang ditujunya, walaupun tiadalah perkataan seperti, *bagai* dan sebagainya yang disenaraikan di atas. Dalam bahasa Latin-Inggeris, ungkapan seperti ini (termasuklah perumpamaan atau bidalannya diistilahkan sebagai *metaphore* (Ing.)/*metaphora* (Latin), yang dimelayukan sebagai metafora dan itulah timbulnya metaforisme di sini. Contohnya, *alah membeli menang memakai*; *raja di mata sultan di hati*; *sigai sampai ke langit*; *tiada kuning oleh kunyit*; dan *pekak badak*. Orang Malayonesia dahulu bijak bermetafora, dan karya-karya mereka itu masih dihayati atau dihargai hingga sekarang walaupun orang Malayonesia kini sudah tidak mencipta metafora seperti ini lagi, malah dikatakannya metafora bertentangan dengan sains.

Oleh sebab pandai bermetaforalah banyak benda subjektif seperti adil, bebas, benci, berani, bodoh, cantik, cinta, degil, derita, gesa, hina, karib, kasih, kaya, kecewa, konflik, lemah, malas, malu, marah, melarat, miskin, sedih, seronok, sesuai, sombong, dan susah, cukup pandai disukai oleh orang Malayonesia seperti yang ditunjukkan dalam Shaharir (2014b). Contohnya sukatan marah:

Sangat marah: Ada 30 buah peribahasa seperti *dilumas dengan daun katang-katang*; *mata merah seperti saga*; *naik darah*; *ramas jantung*

Marah dan sedih: *hati rasa dianyang*; dan *sakit hati*

Marah dan kesal: *ketap bibir*

Pemarah: Ada 10 peribahasa seperti *nipis telinga*, *panas baran*, *sempit dada*, *singkat sungu*

Cepat marah dalam suasana tertentu : *telinga dibakar , muka menyala; telinga nipis; telinga terbakar, muka menyala*

Sakit hati: *mengandung/tertusuk hati*

Membangkit rasa marah: *membakar darah/hati*

Menyakiti hati orang: *memakuk dengan punggung /belakang lading; menggantung-gunting hati orang; menggetil puncak kedal orang.*

Pelbagai kemarahan: Ada 18 peribahasa seperti *makan bawang; seperti dicabut ekor; telinga tebal; sejuk hati*

Kebetulannya pula, peribahasa tentang kata sifat kabur yang paling banyak ialah tentang marah. Ini boleh ditafsirkan orang Malayonesia memang pemaarah sehingga amat perihatin pada sifat ini, tetapi kemarahannya hanya di dalam hati sahaja kerana peribahasa tentang permuafakatan, malu, dan kasih sayang adalah yang banyak berikutnya. Ni dibicarakan lagi dalam bahagian akhir makalh ini.

Kewujudan sukatan terhadap kata sifat yang kabur ini (yang disenaraikan di atas) matlah dihargai oleh ahli matematik yang berkarya mematematikkan perkara ini yang dikenali yang membentuk suatu bidang yang besar sekarang yang dinamai matematik kabur. Satu lagi contoh sukatan perkara sifat kabur yang lain lagi ialah miskin yang dikira amat dihargai oleh ahli matematik ekonomi: muafakat/sepakat/kerjasama:

### ***Tahap kemiskinan***

sangat papa: *papa kedana*

papa: *jatuh colok*

sangat miskin: Ada 30 buah peribahasa. Contohnya, *Berkain tak cukup sebelit pinggang; Berladang tidak setelempap jua, akan tanggan menggelonggong; Bersawah sepiring tidak, akan tempat sipasin bertanya; Kain basah kering di pinggang; Kais pagi makan pagi (, kais petang makan petang); Makan di punca kain; Makan nasi dengan garam; Makan upas berulam jantung; Malam berselimut embun; Sedikit di belah tujuh, sirih sehelai dicabik-cabik; Siang berpanas, malam berembun; Tertelentang berisi air, tertiarap berisi tanah.*

miskin: *Orang dangau; Runcing telunjuk memalit sambal; Teranggit-anggit seperti rumput di pintu; Tidur beratap langit; Tidur di tilam pasir; Tungku tak berasap*

miskin dan hina: *Kayu bongkok; Kucing kurap*

miskin dan melarat: *Seperti sampah hanyut; Siang berpapas, malam berembun*

miskin ditimpa susah: *Tertonggeng bagai kodok di dalam lubang*

miskin, melarat dan sakit tenat: *Seperti tokek di rumah tinggal*

jatuh miskin: *Dulu besi, sekarang timah; Kain jadi basahan; Tinggal sehelai sepinggang*

tiada tempat tinggal: *Suluh bulan; Tidur beratapkan langit; Siang berpanas, malam berembun*

miskin berlagak kaya: *Bersawah seperempat piring, ke sawah sama dengan orang; seperti pipit hendak menelan gajah*

miskin dan tidak dipedulikan: *seperti duri sebatang terbuang*

miskin mula senang: *sudah tahu di kain beragi*

Dengan kehebatan orang Malayonesia bermetaphora menyebabkan Hassan (2003) menerbitkan teori pemikiran orang Malayonesia yang menegaskan bahawa metaphora ialah kaedah orang-orang Malayonesia berfikir. Ini dibicारा lgi dalam seksyen 13 nanti.

## **12. Mogamogisme**

Sesuai dengan orang Malayonesia yang berpegang pada arupaisme dan kebatinan pra-Islam lagi, yang kemudiannya mudah disesuaikan dengan ajaran Islam mazhab *ahli Sunnah wa al-Jamaah* yang dipelukinya, mereka tegas berpendirian kepada tiadanya kepastian dalam kehidupan ini, bukan sahaja kepada harapannya tetapi juga segala hasil perbuatannya atau kesimpulan pentaakulannya. Lantas penggunaan moga-moga dan *insya Allah* dalam penindakannya adalah suatu kepastian. Lantas, ayat implikasi akan berbentuk secara formalnya, “A atau B moga-moga/*insya Allah C*”, “A dan B moga-moga/*insya Allah D*” , “Jika A maka moga-moga B” atau “Jika A maka *insya Allah B*” adalah piawainya. Fahaman beginilah maka munculnya istilah mogamogisme sebagai suatu kosmologi

Malayonesia. Perincian kepada mantik atau pentaakulan moga-moga dan *insya Allah* ini ada dibicarakan dalam Shahrir (2011, 2013a, c dan 2014c,d)

### 13. Budisme

Asal-usul budi sudah dibicarakan dengan perincinya dalam Shahrir (2013a). Ringkasnya, walaupun asalnya budi itu ialah widya (pengetahuan) peringkat tinggi yang sarat nilai Buddhisme yang kemudiannya diislamkan menjadi ilmu yang sarat nilai Islam sehingga abad ke-18 M. Kemudian, dengan dominannya istilah ilmu dan seterusnya sains (ilmu Barat), budi menjadi perkataan yang bermakna nilai, budi pekerti dan adab sahaja. Perkataan budiman yang dibicarakan dengan perincian oleh Bukhary al-Jawhary dalam karyanya *Taj al-Salatdin* 1603 sebagai ilmuwan yang bertaraf *ulil albab* kini (besar kemungkinan sejak abad ke-19) bermakna orang yang beradab tinggi, dermawan dan caknawan sahaja. Orang Malayonesia memang kuat berpegang pada budi ini. Itulah tiga rangkap pantun yang terkenal dan menjadi buah mulut orang Malayonesia hingga kini (kemungkinan besarnya dicipta selepas abad ke-17M) :

*Pulau Pandan jauh ke tengah  
Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan dikandung tanah  
Budi yang baik dikenang juga*

*Pisang emas dibawa belayar  
Masak sebiji di atas peti  
Hutang emas boleh dibayar  
Hutang budi dibawa mati*

*Orang berbudi  
Kita berbahasa  
Orang memberi  
Kita merasa*

Pantun seperti ini, iaitu yang tinggi nilainya (seni dan ilmu) memang juga berbentuk metafora. Umpamanya seluruh pembayang itu boleh dianggap metafora, dan begitu jugalah maksudnya. Dalam pantun di atas itu *Hancur badan dikandung tanah*, dan *hutang emas boleh dibayar* amat jelas kemetaforaannya. Pantun ketiga memang kurang sedikit kemetaforaannya bahkan ada ramai juga yang menganggap pantun ini sebagai peribahasa yang ditulis sebagai *Orang berbudi, kita berbahasa; orang memberi kita merasa*.

Dalam peribahasa Melayu cukup banyak yang memetaforakan budi mengikut makna baharu yang dimaksudkan di sini (Lihat Shahrir 2013a):

*Baik budi  
Bayar budi  
Bertanam/Tanam budi  
Budi bahasa  
Budi pekerti  
Busuk budi*

*\*Hancur badan dikandung tanah, budi yg baik dikenang juga*

*\*Hidup berkerelaan, mati bertongkat budi* (semasa hidup pemimpin boleh pilih penggantinya, tetapi apabila dia mati pengganti hendaklah dipilih mengikut adat)

*Hilang bini boleh dicari, hilang budi badan celaka*

*Hina budi*

*Hutang budi*

*\*Hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati* (wang tidak dapat membayar budi)

*Makan budi* (menerima kebaikan orang)

*\*Mati ikan kerana umpan; mati saya/sahaya kerana budi* (manusia boleh binasa kerana menerima budi; kalah kerana termakan budi)

*Membalas budi*

*Menabur budi*

*Nasi habis budi bersua* (kawan yg disedari khianat)

*\*Putih tulang dikandung tanah; budi baik dikenang juga* (selepas mati, yg dikenang ialah jasa baik)

*Sebab budi badan kedapatan/Sebab budi boleh akal kedapatan* (susah akibat perbuatan sendiri)

*Seorang budi-budian, seorang tabung seruas* (dua org berlainan perangai, satu jujur satu berahsia)

*Tabur budi*

*\*Tanggung budi* (tak dapat membalas budi)

*\*Terhutang budi* (tak berdaya balas budi)

*Terima budi*

*Termakan budi*

*\*Yang merah itu saga, yang kurik kundi; yang indah bahasa, yang baik budi* (budi bahasa ialah harta yg paling berharga)

Pantun dan peribahasa (terutamanya yang bertanda bintang itu) jelas menunjukkan bagaimana budisme begitu besar peranannya dalam kehidupan orang Malayonesia, iaitu boleh mengatasi sebarang mantik atau penalaran lain. Itulah yang menyebabkan Hassan (2003) menegaskan bahawa “orang Melayu” berepistemologikan budi dan Lim (2003) berpendapat orang Melayu bermantikkan budi (beliau memperkenalkan istilah *budic logic* sebagai mantik Melayu (iaitu mantik budi) dalam tesis D. Fal beliau di Jerman. Inilah juga menyebabkan sukarnya seseorang meyakinkan sesuatu kepada orang Malayonesia dengan semata-mata rasional atau mantik biasa.

#### **14. Keperihatinan kepada beberapa sifat manusia Malayonesia**

Peribahasa cukup banyak memetaforakan hampir semua sifat manusia tetapi yang banyaknya ialah tentang marah (ada 69 buah peribahasa), diikuti dengan miskin (ada 56 buah), pakat (berpakat atau bermuafakat), susah (45 buah), malu=sia-sia=sombong (40 buah), nasib/tuah (39 buah), cinta/kasih/sayang (35 buah), bodoh=degil (30 buah), patuh/setia (27 buah), tak peka/tak peduli =lemah (23 buah), munafik (22 buah), takut=sabar (ada 14 buah), dengki (7 buah), tidak jujur (5 buah). Persamaan itu menunjukkan sama banyaknya peribahasa yang dimetaforakan kata sifat berkenaan. Apakah implikasinya kepada kosmologi Malayonesia? Persoalan ini sudah ditimbulkan oleh Shaharir (2014c) dan kini terjawablah sudah di bawah kategori kosmologi di atas dan sekaligus sifat “manusia Indonesia” oleh Mochtar Lubis (2012) yang dibicara di dalam pendahuluan makalah ini turut terjustifikasi. Umpamanya, sifat pakat dan takut muncul daripada hambawanisme. Miskin dan susah terbit daripada sifat “manusia Indonesia” yang bukan *economic animal* yang dibicarakan oleh Mochtar itu, sedang sifat ini terbit daripada hambawanisme juga. Sifat marah-malu-takut yang terpancar daripada banaknya peribahasa terhadap perkara ini juga menerbitkan sifat “menggerutu dengan cara tidak terbuka” mengikut pandangan Mochtar itu. Sifat “memasang wajah yang suka dilihat oleh orang lain tetapi ada wajahnya yang disimpannya untuk dirinya sendiri malah seringkali tidak hendak diakuinya untuk dirinya sendiri (memakai topeng depan umum)”, boleh dianggap sebahagian drp sifat munafik juga.

Namun ada beberapa pandangan Mochtar yang tidak tercakup dalam pengkategorian kosmologi Malayonesia di sini, dan tidak juga boleh terbit daripada peribahasa (kerana, jika pun ada, hanya satu-dua peribahasa tentang hal itu). Pandangan itu ialah enggan dan segan bertanggungjawab; gampang senang dan bangga pada yang hampa-hampa; tukang tiru kulit-kulit luar yang mempesonakan; mudah dilatih terampil dengan tangan dan jari; senang dan selesa mengatakan sesuatu, dan lalu berbuat yang bertentangan dengan ucapan sendiri, atau menerima segala rupa hal-hal yang saling bertentangan, semboyan berubah tetapi hakikatnya tidak berubah; dan tidak mempunyai konsepsi waktu yang betul. Oleh itu semua ini boleh dianggap sifat “manusia Indonesia” (sifat orang Malayonesia) yang baharu. Umpamanya, tentang ketiadaan konsepsi masa itu, dalam Shaharir (2014c) ditunjukkan orang Malayonesia dahulu cukup perihatin dengan masa dengan unit-unit sukatan terkecilnya kelip mata atau nalika, ghatika atau ketika dan kala yang spesifik iaitu 1 kala=450 nalika, dan 1 ghatika=15 kala.

Peribahasa tentang masa pula amat banyak, walaupun sudah kurang persisnya (sukatan kabur) kerana menggunakan perkataan fajar, pagi, tengah hari, malam, senja, dini hari, bulan, tahun dan sebagainya.

### **Kesimpulan**


Sistem kepercayaan, nilai, pegangan hidup dan pandangan alam orang Malayonesia telah dikategorikan kepada 13 nama kosmologi dan beberapa nilai yang tidak diberi namanya yang dibicarakan dalam seksyen 14 itu. Hampir semua sifat “manusia Indonesia” yang dicungkil oleh Mochtar Lubis yang dibicarakan dalam pendahuluan makalah ini juga ada dalam kategori kosmologi Malayonesia itu. Ada 7 sifat “manusia Indonesia” yang tiada dalam kategori kosmologi itu dianggap sifat baharu orang Malayonesia .

### **Penghargaan**


Penulis berterima kasih tidak tepermanai kepada penilai dalaman dan dan wasit luaran makalah ini yang telah memberi ulasan yang membina dan membantunya memperbaiki lagi makalah ini hingga seperti seadanya sekarang ini.

## Lampiran

### Rajah yang dirujuk dalam Teks




SIVA TEMPLE IN CROSS SECTION



Rajah L1a: Candi Borobudur

Rajah L1b: Candi Prambanan





Rajah L1c: Masjid Agung Demak 1801 <sup>(1)</sup>

(1) <http://www.jurirakyat.net/2013/07/legenda-masjid-agung-demak-cerita.html>

(2) / <http://deqnonn.blogspot.my/2011/11/my-kampung.html>; <https://muhammadismailbrahim.wordpress.com/2011/01/>



A View of the Kampung Laut Mosque taken in about 1905, and published in 1908 in a Book on Kelantan by W. A. Graham, Adviser to the Kelantan Government (appointed by the King of Thailand).



Rajah L1d: Masjid Kampung Laut 1905 <sup>(2)</sup>



Rajah L1e: Rumah Limas Terengganu




Rajah L1f: Rumah Potong



AGLG=Alam Ghaib Lagi Ghaib/Mahameru (*al- 'Arsyul 'Azim*)

AG=Alam Ghaib


AK=Alam Kayangan/Meru (*al- 'Arsyul Karim*)



Gambarajah Jabal Qaf

H = Naraka  
 Ln = Lapisan ke-n dari pada *Jabal Qaf*  
 CLn = Lapisan langit-sferake-n


**Rajah L2: Kosmologi Hindu-Buddha-Islam Pertama (sebelum abad ke-16M)**



JQ = *Jabal Qaf* (pusat alam semesta)  
 Lj, j = 1, 2, ..., n, ..., 7, ialah lapisan alam  
 BK = Bumi Kita dengan sistem bintang siarahnya (graha/planet)

BLj = Seperti Bumi Kita, Bumian, yang ke-j dengan bintang siarahnya tersendiri

### L3a: Alam semesta al-Ranyry



### L3b: Alam Kecil Kita berpusatkan Bumi mengikut al-Ranyry

#### Rujukan

- al-Ranyry/al-Raniri, Nur al-Dyn/Nuruddin. 1639. *Aaman Khalq al-Smaaawat wa al-Ardh* yang ada di PNM berkod MS 881(1), atau judul lainnya, *Bada' al-Khalq al-Smaaawat wa al-Ardh* dalam karya agung beliau *Bustan al-Salatdin* (bab 1) yang telah dirumikan oleh Jelani 2004 terbitan DBP, dan ada juga dalam kitab *Taj al-Mulk*.
- Anama. 2006. Kosmologi Masyarakat Batak. <https://rapolo.wordpress.com/2008/05/04/kosmologi-masyarakat-batak/> (4 Ogos 2016)
- Aymonier E. dan Cabaton A. 1906. *Dictionnaire Cam-Francais*. Paris: de L'ecole Francaise D'etreme-Orient.
- Ball H. 2001. *The Complete Dream Dictionary*. London: Arcturus
- Chodjim A. 2012? Kosmologi budaya Sunda. <https://adolfmuizof.wordpress.com/2012/04/21/kosmologi-budaya-sunda/> (4 Ogos 2016)
- Endicott K. 1979. *Batek Negrito Religion the World-view and Rituals of Hunting and Gathering People of Peninsular Malaysia*. Oxford: Clarendon Press
- Fathurokhman F.. Alam dan Kosmologi Suku Baduy. <https://www.goodnewsfromindonesia.org/2015/09/20/alam-dan-kosmologi-suku-baduy> (4 Ogos 2016)
- Hamka. 1984. *Tafsir al-Azhar*. Yayasan Nurul Islam
- Hasan A. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Sungai Ramal Dalam, Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan
- Hashim Y. 2006. *Wayang Kulit Siam in the Malay cosmology*. 2<sup>nd</sup> Printing. Dlm Faridah Noor M.N. (Pnyut.). *Dimesnions of Shadow Play in Malay Civilisation*. K.Lumpur: CCD, UM, pp. 17-38
- Hood S. 1978. Semelai Ritual of Curing. *Ph. D thesis*. Oxford University
- Howell S. 1984. *Society and Cosmos: Chewong of Peninsula Malaysia*. Singapore: Oxford Univ. Press

- HRP=*Hikayat Raja Pasai*. Manuskrip asalnya dianggarkan ditulis dalam abad ke-15 M. Dirumikan oleh R. Jones 1978 dan suntingan ke-2-nya diterbitkan oleh Yayasan Karyawan, Kuala Lumpur 1999.
- Lim K.H. 2003. *Budi as the Malay Mind: A Philosophical Study of Malay Ways of Reasoning and Emotion in Peribahasa. Tesis Ph.D.* Asia-Africa Inst. Dpt of Austranesian Studies, Faculty of Oriental Studies, Univ. of Hamburg. (tidak terbit)
- Mochtar Lubis. 2012. *Manusia Indonesia*. Cetakan ketiga. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Nakula=Abdullah bin Mohamed. 1984. *Falsafah dan Pemikiran Orang-Orang Melayu*. Cet. ke-2. K.Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.
- Pou S. 1992. *Dictionnaire Vieux Khmer-Francais-Anglai. An Old Khmer-French-English Dictionary*. Centre de Documenttaion et de Recherche sur La Civilisation Khmère, Paris. Snt kedua 2004 terbitan L'Harmattan, Perancis/Hungaria/Italia
- Ramlee b. A. 2014. Alam dalam sistem kepercayaan suku kaum Semaq Beri di Terengganu, Malaysia. *Kesturi* 24(2)
- Ramlee b.A. 2014. Alam dalam sistem kepercayaan suku kaum Semaq Beri di Terengganu, Malaysia. *Kesturi (ASASI)* 24(2): 93-117
- Sem Kosmologi Jawa-Melayu. 2016. Kosmologi budaya Nusantara (kosmologi Melayu dan kosmologi Jawa). Yayasan Alam Melayu Sriwijaya (Malaya) dan Sriwijaya Supranaturalis Community (SSC). 23 April 2016. Kecamatan Sukarami, Palembang. <http://www.malaya.or.id/index.php/seminar/> (4 Ogos 2016)
- Shaharir b. M.Z. 2000. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. 2<sup>nd</sup> ed. Bangi, Selangor, Malaysia: Universiti Kebangsaan Malaysia
- , 2010. *Pembinaan Semula Teori Kepemimpinan dan Kepengurusan Rumpun Melayu*. Snt kedua. K. Terengganu UMT
- , 2011. Unsur asasi kejadian dalam sains Melayu sebelum dipengaruhi Barat. *Kesturi (ASASI)* 21(2): 63-78.
- , 2013a. Epistemologi Malayonesia. *Forum Arus Melayu*, anjuran Penang Institute pada 16 Jun 2013. Terbit dlm. *Kesturi (ASASI)* 2015, 25 (1): 61-103.
- , 2013b. Komposisi dan bentuk alam: suatu contoh ilmu yang sarat budaya. *Kesturi (ASASI)* 23(2): 56-118
- , 2013c. Mantik Melayu pra-Islam berasaskan bahasanya di prasasti. *Kesturi (ASASI)* 23(1): 61-72. Pernah di bentangkan di *Seminar Bahasa Melayu Purba dan Klasik*, anjuran ASASI, 24 Feb 2011.
- , 2014a. The ever changing Malayonesian cosmological doctrines based on great writings in Malay and architectural designs of malayonesian temples, mosques and houses. 4<sup>th</sup> *East Asian and South-East Asia Conference on Philosophy of Science*, anjuran Institut Islam Hadhari UKM, ASASI dan ILIM, di ILIM Bandar Baru Bangi, Selangor, 5-6 Nov. 2014.
- , 2014b. *Terukirnya Bahasa Melayu dalam Sains dan Matematik Malayonesia*. Manuskrip buku
- , 2014c. *Istilah dan Sukatan Tradisional Melayu*. P.Pinang: Penerbit USM
- , 2014d. Malay reasoning. *Taiwan-Malaysian Seminar on Philosophy of Science* 17 -18 June 2014, organized by Pusat Dialog Peradaban UM, ASASI and Inst Kajian Cina, UTAR. Terbit dlm. *Katha* (Pusat Dialog Peradaban, UM) 2015, pp. 22-39.
- Shorto H.L. 1971. *A Dictionary of the Mon Inscriptiounns from the Sixth to the Sixteenth Centuries*. London: OUP
- Soemanagara D.F. 2015. Kosmologi Orang Mentawai: Antara Nyata dan Supranatural. Kebudayaan Indonesia. <http://kebudayaanindonesia.net/kebudayaan/2345/kosmologi-orang-mentawai-antara-nyata-dan-supranatural>. (4 Ogos 2016)
- Taj al-Mulk*. Mathba'ah al- Miriyah al-Kainah, Mekah, 1311 Hijrah/1893 Masehi oleh Syaykh Isma'il bin 'Abd al-Mutdalib al-Asyi.
- Werner R. 1997. *Mah Meri of Malaysia Art and Culture*. Volume 1. Kuala Lumpur: University of Malaya Press
- Winstedt R. 1972. *An Unabridged English-Malay Dictionary*. Reprinted of the 4th ed. 1966. Kuala Lumpur & Singapore: Merican & Sons (Malaysia) Sdn Berhad

WMS=Wan Mohd Soghir. 1998-2002. Siri penerbitan Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fthaniyah, K. Lumpur, jilid 1-14  
Zaharin A.M. & Alinor M.b.A.K. 2014. Bibliografi Eropah tentang serba-serbinya tentang Malayonesia sebelum tahun 1800 Masihi. *Kesturi* (ASASI) 24(1): 57-82

%%%%%%%%%

\* Dibentangkan di Seminar Filsafah dan Hikmah Melayu anjuran dan tajaan ASASI-PDPUM pada 13 Dis 2014 di PDP, Universiti Malaya